

01 JUL 2004

SHAFIE MINTA SISWA DALAMI BIDANG KEPIMPINAN

BANGI, 1 Julai (Bernama) -- Para siswa perlu mendalami bidang kepimpinan dalam usaha menjadi pemimpin yang cemerlang dan berkesan, kata

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Shafie Salleh.

Ini kerana, katanya, kejayaan seseorang pemimpin itu diukur daripada

segi kejayaannya untuk mempengaruhi pengikut-pengikutnya untuk melakukan

apa yang hendak dicapai.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Ucap Perdana Institut

Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad di Institut Latihan Keselamatan Sosial

KWSP, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Setiausaha Parlimen kementerian,

Datuk Dr Adham Baba.

Beliau berkata memilih sesuatu gaya kepimpinan bukan mudah dan pelbagai

faktor pembolehubah seperti pengikut, isu, masa, keadaan, objektif dan

lain-lain perlu diambilkira.

Majlis itu dihadiri oleh para pelajar dari semua Institut Pengajian

Tinggi Awam dan beberapa maktab perguruan.

-- BERNAMA

NJ MOZ